Majlis Anugerah Ekonomi Islam 2014
Dubai, 14 Januari 2015

Ucapan oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Saya amat berbesar hati menerima Anugerah Pencapaian Sepanjang Hayat (Lifetime Achievement Award) bagi pembangunan kewangan Islam global di bawah naungan Yang Amat Mulia Sheikh Mohammed bin Rashid Al Maktoum. Dengan ini, saya menerima anugerah dengan rasa rendah hati. Saya juga berbesar hati kerana diberi peluang untuk menyumbang kepada usaha-usaha antarabangsa bagi mewujudkan asas-asas sistem kewangan Islam yang mampan dan berdaya tahan dalam sistem kewangan global. Dunia kewangan menghadapi cabaran getir pada dekad yang lalu, namun pengalaman mengharungi semua cabaran ini amat berharga. Kemajuan dan pencapaian kewangan Islam secara menyeluruh telah meningkat seiring dengan pertumbuhan, dinamisme dan kestabilan.

Secara keseluruhan, kewangan Islam menawarkan manfaat yang sangat besar kepada ekonomi. Kewangan Islam merupakan satu bentuk pengantaraan kewangan yang berteraskan ekonomi benar. Dengan pengantarabangsaan yang bermula pada peralihan alaf ini, kewangan Islam kini memainkan peranan penting untuk meningkatkan dan mengukuhkan kesalinghubungan antara ekonomi, serta memudahkan aktiviti perdagangan antarabangsa dan pelaburan merentas sempadan. Trend ini menunjukkan bermulanya usaha gigih secara kolektif untuk memperkukuh infrastruktur kewangan Islam lantas mewujudkan sistem kewangan Islam global yang kukuh dan berdaya tahan.

Untuk mewujudkan sistem kewangan yang kukuh, fokus telah beralih daripada pengukuhan pengantara dalam industri kewangan Islam domestik kepada pemantapan rangka kerja pengawalan, penyeliaan, Syariah dan mudah tunai yang diperlukan. Ini telah melibatkan kerjasama dan permuafakatan antarabangsa yang lebih erat. Perkembangan selanjutnya melibatkan evolusi pasaran kewangan Islam domestik ke dalam pasaran antarabangsa. Perkembangan ini dapat dilihat melalui penyertaan asing dalam aktiviti pemerolehan dana dan pelaburan dalam pasaran ini, lantas menjana peningkatan aliran kewangan merentas sempadan. Ini telah menarik penyertaan daripada pasaran sedang pesat membangun dan juga pasaran maju dalam kalangan negara Islam dan bukan Islam. Peranan sistem kewangan Islam dijangka bertambah penting dalam menghubungkan ekonomi sedunia pada masa hadapan yang dapat dicapai melalui pengukuhan hubungan kewangan yang seterusnya akan meningkatkan aktiviti perdagangan dan pelaburan antarabangsa.

Pengantarabangsaan kewangan Islam memerlukan usaha kolektif antarabangsa yang lebih kukuh bagi membina arkitektur kewangan Islam antarabangsa dan membangunkan mekanisme pengurusan mudah tunai merentas sempadan yang lebih berkesan. Bagi mencapai teras pembangunan seterusnya, peningkatan asas tenaga mahir yang berkaliber tinggi dan berdaya saing diperlukan bagi memupuk inovasi kewangan. Untuk memperkukuh industri ini, pelaburan modal insan dititikberatkan. Meskipun pengalaman dan aspirasi Malaysia adalah untuk menjadi pusat kewangan Islam antarabangsa, Malaysia juga terus menggalakkan sistem kewangan yang lebih inklusif untuk menyokong pertumbuhan yang lebih seimbang. Matlamat pada peringkat antarabangsa adalah untuk meningkatkan hubungan Malaysia dan sekali gus mewujudkan hubungan ekonomi yang lebih kukuh dengan negara-negara lain. Di Dubai, usaha pihak berkuasa untuk mewujudkan inisiatif ekonomi Islam bagi meningkatkan lagi hubungan dengan

pusat kewangan Islam lain merupakan satu langkah ke arah mengukuhkan hubungan ekonomi antarabangsa dan antara rantau. Usaha ini bukan sahaja akan meningkatkan lagi kewangan Islam sebagai pengantara kewangan yang berkesan tetapi juga sebagai satu kuasa penghubung bagi segmen lain dalam ekonomi Islam, dan juga di negara-negara lain.

Usaha kolektif bersama untuk membangunkan kewangan Islam akan memberikan platform penting bagi membuka peluang yang berpotensi dimanfaatkan oleh setiap segmen masyarakat dan komuniti perniagaan yang kini melangkaui sempadan negara. Dalam persekitaran dunia yang sangat dinamik dan pesat berubah, usaha yang berterusan adalah penting untuk pembangunan infrastruktur, pembinaan asas-asas kestabilan dan peningkatan keupayaan dalaman. Dengan hubungan antarabangsa yang lebih meluas, kepentingan kerjasama secara kolektif adalah penting dan diperlukan bagi mencapai matlamat dan manfaat bersama.

Akronim dan Singkatan

ABIF	Rangka Kerja Integrasi Perbankan ASEAN
ADB	Bank Pembangunan Asia
AFI	Persekutuan bagi Rangkuman Kewangan
ALR	kadar pinjaman purata
AS	Amerika Syarikat
BI	Bank Indonesia
BIS	Bank for International Settlements
BLR	kadar pinjaman asas
BNM	Bank Negara Malaysia
BNMN	Nota Monetari Bank Negara
BoE	Bank of England
BoJ	Bank of Japan
BOP	Imbangan Pembayaran
BR	Kadar Asas
CET1	ekuiti biasa kumpulan 1
DIA	pelaburan langsung luar negeri
DSR	nisbah khidmat bayaran hutang
E&E	elektronik dan elektrik
E&O	Kesilapan dan Ketinggalan
ECB	European Central Bank
EOR	perolehan minyak lebih tinggi
EU	Kesatuan Eropah
ETP	Program Transformasi Ekonomi
FBM KLCI	Indeks Komposit Kuala Lumpur FTSE Bursa Malaysia
FD	deposit tetap
FDI	pelaburan langsung asing
Fed	Federal Reserve
FOMC	Jawatankuasa Pasaran Terbuka Persekutuan
FSB	Lembaga Kestabilan Kewangan
GFP	barangan untuk diproses
GIFF	Forum Kewangan Islam Global
GII	Terbitan Pelaburan Kerajaan
GST	Cukai Barangan dan Perkhidmatan
HoA	Heads of Agreement
HQLA	aset mudah tunai berkualiti tinggi
HSDPA	High-Speed Downlink Packet Access
ICR	nisbah perlindungan faedah
IDB	Bank Pembangunan Islam
IHP	Indeks Harga Pengguna
IHPR	Indeks Harga Pengeluar
IILM	Pengurusan Likuiditi Islam Antarabangsa
IKBB	institusi kewangan bukan bank
IMF	Tabung Kewangan Antarabangsa
IT	teknologi maklumat
JCC	Japanese Crude Coktail
KDNK	Keluaran Dalam Negeri Kasar
KLCI	Indeks Komposit Kuala Lumpur
KLIBOR	Kadar Antara Bank Kuala Lumpur Ditawarkan
LCR	Nisbah Perlindugan Mudah Tunai

LNG	gas asli cecair
MGS	Sekuriti Kerajaan Malaysia
MHPI	Indeks Harga Rumah Malaysia
MIDA	Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia
MIER	Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia
MoU	Memorandum Persefahaman
MPC	Jawatankuasa Dasar Monetari
MSIC	Klasifikasi Standard Perindustrian Malaysia
OPEC	Pertubuhan Negara-negara Pengeksport Petroleum
OPR	Kadar Dasar Semalaman
PBOC	People's Bank of China
PDS	sekuriti hutang swasta
PKS	perusahaan kecil dan sederhana
PMI	Indeks Pembelian Pengurus
PMTK	pembentukan modal tetap kasar
PNK	Pendapatan Negara Kasar
PTP	Pelabuhan Tanjung Pelepas
QAB	Bank ASEAN yang Bertauliah
QE	pelonggaran kuantitatif
RBI	Reserve Bank of India
RM	Ringgit Malaysia
RR China	Republik Rakyat China
SDA	Akaun Deposit Khas
SNA	Sistem Akaun Negara
SNB	Swiss National Bank
SRR	Keperluan Rizab Berkanun
UK	United Kingdom